

Daim 'terus kekal

BH 11 JUN 2000

Daripada M THILLINADAN

TOKYO: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi menegaskan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin akan terus kekal dalam kerajaan dan menasihatkan pelabur saham tidak mempercayai sebarang khabar angin.

Perdana Menteri kesal kerana orang ramai lebih mempercayai khabar angin, walaupun beliau sendiri sudah beberapa kali menjelaskan laporan mengenai keretakan hubungan mereka adalah tidak benar.

Katanya, sejak 15 tahun lalu, sudah ada khabar angin beliau dan Daim ada masalah (hubungan) dan berselisih pendapat.

"Fakta sava dan Daim masih bekerjasama (sehingga sekarang) nampaknya tidak dapat meyakinkan mereka (pelabur) yang Daim tidak akan keluar daripada kerajaan.

"Apabila kita memberitahu mereka, Daim akan terus kekal dalam kerajaan, mereka pula kata 'tidak'.

"Nampaknya, mereka lebih tahu apa yang sava dan Daim fikirkan sehingga kita send&i tak tahu dan terpaksa bertanya kepada mereka apa yang kami fikirkan," katanya kepada pemberita ketika ditanya mengenai kenyataan Daim Khamis lalu di Langkawi mengenai kejatuhan indeks Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), sejak dua minggu lalu.

Daim dilaporkan berkata terlalu banyak spekulasi oleh penganalisis pasaran berdasarkan khabar angin menjejaskan BSKL.

Beliau juga berkata, pelabur akan keliru jika pelbagai laporan dan analisis dibuat tanpa mengambil kira keadaan sebenar sehingga 'tiada sebab menjadi sebab' untuk menjejaskan BSKL.

Daim ditanya mengenai kejatuhan bertenaran BSKL sejak dua minggu lalu walaupun selepas disenaraikan semula dalam Morgan Stanley Capital International Index pada 1 Jun lalu.

Jumaat lalu, Indeks BSKL ditutup pada 861.30 mata selepas mencapai peningkatan sehingga 950 mata pertengahan bulan lalu.

Dr Mahathir kesal kerana pasaran saham kini bergerak berpandukan khabar angin.

"Jika tidak ada khabar angin, mereka akan mulakan sesuatu seperti hubungan saya dengan Daim," katanya.

Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang dalam rangka lawatan kerja seminggu ke Jepun, semalam melawat Pusat Kajian & Pembangunan Toyota Motor Corporation (Toyota) di Higashi-Fuji, kira-kira 100 kilometer dari sini.

Ketibaan beliau dan Dr Siti Hasmah di-

dalam kerajaan

dangkan sistem itu digunakan di Putrajaya.

"Bagaimanapun, apabila kita merancang Putrajaya, sistem pengangkutannya juga telah ditetapkan mengikut perancangan. Mungkin kita boleh memikirkannya untuk menggunakan di tempat lain," katanya.

Dr Mahathir juga berkata beliau sedang mengkaji satu cadangan Daihatsu, anak syarikat Toyota, untuk bekerjasama dengan Perodua, tetapi tidak mengulas lanjut.

Sementara itu, Perdana Menteri dalam ucapan ringkasnya di akhir lawatan berharap Toyota akan terus bekerjasama dengan Malaysia, khususnya dalam pemindahan teknologi.

"Hubungan Malaysia dan Toyota sudah lama dan kita telah banyak mendapat manfaat daripada hubungan itu, bukan saja keretanya tetapi juga kerana pemindahan teknologi," katanya.